



**TEKS UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERHIMPUNAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM BAGI BULAN
FEBRUARI 2017**

Tarikh : 6 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

Masa : 8.15 PAGI

**Tempat : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Menteri-menteri dan warga JPM yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah pada pagi ini dapat kita bersama-sama menjayakan Perhimpunan pada bulan Februari.

Sehari dua ini kita dapat melihat perkembangan dalam negara kita berada dalam keadaan di mana kita dapat meneruskan kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia dengan keadaan aman dan tenteram dan kita juga dapat merasai nikmat daripada punca rezeki yang halal untuk kita semua berada dalam keadaan yang agak selesa.

Kita telah menyambut Perayaan Tahun Baru Cina dalam keadaan aman dan harmoni. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua penjawat awam yang meraikannya. Moga tahun baharu ini dapat memberi lebih banyak kebaikan kepada negara kita.

Beberapa negeri telah dilanda bencana banjir dan dengan segala tumpuan telah diberikan dengan begitu berkesan dan baik sekali. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan kerajaan dan penjawat awam yang mencurahkan bantuan dan bakti untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi meringankan beban mangsa banjir.

Saya ingin menyatakan bahawa tahun 2017 ini, meskipun Bank Dunia meramalkan pertumbuhan ekonomi lebih baik iaitu ramalan sebanyak 3.4% berbanding 3.15 % pada tahun 2016, kerajaan perlu mengukuhkan dalaman negara bagi menghadapi faktor-faktor luar kawalan.

Pelbagai faktor luar kawalan boleh mempengaruhi negara termasuk pasaran kewangan global yang sukar diramal, pertumbuhan ekonomi negara maju yang masih perlahan serta dasar-dasar baharu pentadbiran politik Amerika Syarikat (AS) yang boleh memberi kesan kepada geopolitik dunia.

Ini semua mengingatkan kepada kita bahawa betapa pentingnya kita melihat kepada faktor-faktor yang boleh kita kawal. Sehubungan itu, kita perlu mengukuhkan *national resilience* iaitu kekuatan dalaman untuk kita menghadapi suasana dunia yang tidak menentu. Saya ingin menekankan bahawa faktor asas yang boleh menyumbang kepada kekuatan dalaman adalah kemampuan kita sebagai sebuah kerajaan untuk melaksanakan dan menyampaikan segala projek, program dan bantuan kerajaan kepada rakyat. Ini antara faktor asas yang boleh kita kawal dan sebab itu saya telah menyatakan pada perhimpunan lalu bahawa saya hendak tahun ini dijadikan sebagai tahun penyampaian.

Pada tahun ini adalah merupakan tahun pelaksanaan dan tahun penyampaian yang mana kita perlu melihat dari segala sudut yang lebih teratur lagi sebagai contoh dari aspek penambahbaikan yang boleh dilakukan seperti koordinasi antara kementerian dan jabatan yang terlibat agar bagi membina kekuatan dalaman berkenaan, setiap Kementerian dan Jabatan perlu mengelakkan daripada bekerja dalam

silo masing-masing, sebaliknya saling bekerjasama kerana matlamat utama adalah untuk manfaat rakyat.

Memang saya sedar, apabila saya menyebut kekuatan dalaman, ia bukan hanya dari sudut pelaksanaan sistem penyampaian, tetapi juga dari sudut keharmonian negara, perpaduan nasional, komitmen kita sebagai rakyat Malaysia, semangat patriotisme dan lebih luas dari itu.

Pada hari ini, adalah diharapkan kita perlu menumpukan kepada sistem penyampaian dan produktiviti kita sebagai penjawat awam dan juga sebagai seorang individu, kita mestilah melihat kepada aspek keberhasilan supaya *outcome* kita menjadi semakin bertambah. Kerja lebih tetapi *output* dan *outcome* menjadi semakin berkesan dan lebih bermakna.

Semoga menjadi peringatan kepada kita bersama supaya meningkatkan komitmen dan sikap *mind set* kita agar kita berupaya membuat keputusan yang lebih cepat dan tepat supaya pada tahun ini kita dapat memberi kesan yang lebih besar kepada rakyat Malaysia. Insya Allah

Selamat Bertugas.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.